

## Ambil nelayan warga asing ditimbang

Oleh ABDUL YAZID ALIAS

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

PELABUHAN KLANG 24 Julai - Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan untuk membenarkan nelayan kategori Zon B di seluruh negara menggaji pekerja warga asing tidak lama lagi.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar berkata, langkah itu diambil sebagai antara langkah mengatasi masalah kekurangan pekerja yang dihadapi ramai nelayan di bawah kategori itu.

Katanya, berdasarkan aduan serta maklum balas yang diterima, nelayan Zon B menyatakan kesukaran mendapatkan tenaga kerja tempatan untuk bekerja dalam sektor itu sehingga menjejaskan aktiviti dan hasil tangkapan ikan mereka ketika ini.

"Sebelum ini kementerian hanya membenarkan nelayan Zon C dan C2 iaitu laut dalam untuk menggaji pekerja asing," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan elaun sara hidup sebanyak RM200 untuk 688 nelayan di kawasan Pulau Ketam di sini, hari ini.

Bagaimanapun, katanya, keputusan itu hanya akan diputuskan sebaik sahaja pihak kerajaan selesai menjalankan kajian serta mendapatkan maklumat jumlah sebenar pekerja asing yang diperlukan bagi nelayan kategori zon B.

"Sehubungan itu, kita minta semua nelayan Zon B membuat permohonan kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk mendapatkan pekerja asing termasuk mengisi borang pemutihan bagi membolehkan kita mengenal pasti bilangan sebenar yang diperlukan," katanya.

Turut hadir Ketua Pengarah LKIM, Datuk Mohad Kazin Hamzah; Pengerusi Majlis Pembangunan Pertanian (MPP) Kawasan Klang, Datuk Mazlynoor Abd. Latif dan Pengerusi MPP Kawasan Pakar, Datuk Abdul Rahman Palil.

Dalam pada itu, Noh turut menjelaskan, selain menimbang untuk membenarkan nelayan kategori Zon B menggaji pekerja asing, kerajaan juga berhasrat memperkenalkan syarat baru untuk mereka bagi meningkatkan pendapatan.

Katanya, syarat tersebut ialah kementerian akan meluaskan lagi jarak aktiviti nelayan Zon B kepada lapan batu nautika dari daratan berbanding sebelum ini hanya pada jarak lima batu nautika.

"Dengan tambahan jarak zon itu, kita harap nelayan zon B dapat meningkatkan hasil tangkapan mereka," ujarnya.

SUMBER : [Utusan Online](#)